

SOALAN NO: 42

Sebanyak **15.5%** pengguna adalah daripada golongan kanak-kanak sehingga remaja (bawah 19 tahun).

Melalui kajian kumpulan fokus tersebut, didapati 77.4% daripada responden menggunakan Internet untuk tujuan melayari laman sosial. 88.5% daripada responden mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun laman sosial di mana 63.0% responden menggunakan *Facebook* manakala 25.0% menggunakan *WeChat* sebagai laman sosial utama mereka. Berkaitan dengan penggunaan pesanan melalui laman sosial, 76.8% responden menggunakan *Facebook Messenger*, 67.6% responden menggunakan *WhatsApp* dan 54.6% menggunakan *WeChat*.

Berdasarkan kajian kumpulan fokus tersebut, secara keseluruhannya sebanyak 75% responden pernah menerima/ melihat kandungan yang tidak bersesuaian (kebencian, keganasan atau jelik) dengan jumlah sebanyak 72.4% melalui iklan *pop-up (pop-up ads)*, 26.9% melalui pesanan peribadi (*private message*) dan 23.7% melalui rangkaian media sosial.

Antara Januari sehingga September 2017, pihak SKMM menerima sejumlah 21 aduan melibatkan kanak-kanak di media sosial, dan Internet amnya, dan kesemua aduan tersebut telah diambil tindakan oleh SKMM, termasuk siasatan dan tindakan selanjutnya di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.